

BAB
KEEMPAT

PENUTUP

4.1 PENGENALAN

Masyarakat majmuk yang menjadi peribadi bangsa Malaysia adalah pakej yang menarik dalam pembinaan hukum yang berlatarkan realiti semasa dan setempat. Proses ini memerlukan pemupukan nilai bersama di kalangan anggota masyarakat. Komitmen semua etnik dapat memberi input yang positif walau sumbangan budaya pentakrif (budaya Melayu) menjadi paksi utama dalam pembentukan budaya bangsa Malaysia.

Syariah Islam yang telah diturunkan ke dunia semenjak 14 abad lampau mempunyai ciri-ciri yang kekal abadi dalam perkara-perkara fundamental ataupun *uṣūl*, tetapi di dalam masalah cabang atau *furū'*, ia dapat menerima perubahan sejajar dengan perubahan dan perkembangan realiti dan mentaliti masyarakat. Setiap hukum yang ditetapkan perlu seiring dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku di dalam masyarakat. Ini kerana perbezaan dan perubahan budaya yang mencerminkan identiti setiap masyarakat mempunyai impak yang besar dalam penetapan hukum yang tiada *naṣṣ* yang jelas.

Aplikasi syariah Islam dalam sejarah membuktikan penetapan dan pembaharuan hukum boleh dilaksanakan kesan perbezaan dan perkembangan budaya. Memang diakui bahawa pandangan *fuqahā'* zaman keemasan merupakan kemuncak pemikiran hukum Islam yang tinggi nilainya. Namun, ketinggian itu tidak boleh menjadi alasan untuk mengekalkannya sebagai kemuncak bagi setiap zaman dan dalam semua keadaan. Apa pun juga nilainya, pandangan tersebut masih terikat dengan hakikat sebagai hasil pemikiran manusia yang tertakluk kepada pengaruh masa dan tempat atau waktu dan ruang.

4.2 DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati, corak hidup masyarakat Melayu sebagai pentakrif bangsa Malaysia mempunyai ciri-ciri yang khusus dan berbeza dengan masyarakat lain. Unsur-unsur ini dapat dijadikan asas dalam penetapan hukum berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan. Selain itu, pengkaji mendapati;

i. Akal intelektual dan akal ratio penting dalam perkembangan budaya.

Kebudayaan sesebuah masyarakat berpaksikan akal. Kebudayaan Barat berasaskan akal *ratio* semata-mata, sedangkan sarjana Islam menggabungkan akal *ratio* dan *intelektus* dalam menjana kebudayaan. Dalam perkembangan budaya masyarakat Melayu, penggunaan akal ini dapat dilihat dengan jelas. Gabungan akal *ratio* dan *intelektus* merupakan elemen yang signifikan dalam pembentukan budaya kerana sekiranya tidak dikombinasikan di antara keduanya akan berlaku kepincangan dalam kepercayaan dan keagamaan masyarakat. Fenomena ini dapat dilihat dalam jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2 : Akal intelektual dan ratio dalam perkembangan masyarakat Melayu

Era	Unsur Intelektus	Unsur Ratio	Piawaian	Natijah
Animisme/ Dinamisme	Ada	Tiada	Tidak seimbang (alam ghaib semata)	Kepercayaan semangat & penunggu
Hindu – Buddha	Ada	Tiada	Tidak seimbang (alam ghaib semata)	Dewa dan tuhan (politheisme)
Islam	Ada	Ada	Seimbang (alam tabi'i dan alam ghaib)	Tauhid (monotheisme)
Barat	Tiada	Ada	Tidak seimbang (alam tabii semata)	Sekular

Sumber : Kaji-selidik pengkaji

ii. Pembentukan budaya Melayu terpengaruh dengan elemen internal dan eksternal.

Pengaruh internal dapat dilihat dalam amalan *taqlīd* dalam perkembangan hukum Islam yang berbentuk statik. Fenomena ini melatari pemikiran golongan pemutus hukum di dalam masyarakat. Setiap hukum yang ditetapkan akan merujuk kepada kitab klasik atau Timur Tengah walaupun masalah yang timbul pengaruh cara hidup dan budaya masyarakat setempat. Begitu juga penyusupan pengaruh fahaman patriaki (*patriarchalism*) dalam masyarakat Melayu. Penyusupan ini akibat daripada kefahaman *fuqahā'* dan pentafsiran *mufasssirīn* terhadap *naṣṣ* berlatarkan realiti perkembangan masyarakat mereka.

Pengaruh eksternal banyak mewarnai perkembangan sosial masyarakat setempat. Penjajahan Barat telah mentransformasikan masyarakat agama (*religious society*) kepada masyarakat sekular (*secular society*). Ianya dapat dilihat melalui proses deislamisasi mahupun sekularisasi. Sebagai contoh, pemisahan pemerintahan (politik) dari agama (Islam) dalam Perjanjian Pangkor 1874M. Begitu juga transformasi masyarakat tunggal Melayu kepada masyarakat majmuk Malaysia untuk kepentingan ekonomi penjajah. Kesatuan agama, kuasa dan budaya masyarakat Melayu direnggut, malah menimbulkan polarisasi di dalam masyarakat. Islam sebagai agama wahyu dan Samāwī yang telah melupakan segala pengaruh agama sebelumnya terpaksa menghadapi kewujudan kembali agama-agama budaya yang menyesatkan. Selain itu, paksi kuasa Melayu terpaksa berkompromi dalam perkongsian kuasa dan budaya masyarakat Melayu yang tunggal perlu melalui proses integrasi kesan pluraliti budaya masyarakat imigran.

Walaupun begitu, masyarakat Melayu berjaya mensintesis dua fenomena tersebut dengan sebaiknya kesan tindakan dan peranan golongan *local genius*. Fahaman patriaki atau epistemologi maskulin yang menguasai pentafsiran *mufassir* dan kefahaman para *faqih* selepas era Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat r.ah. berjaya ditangani dengan pengaruh adat setempat. Syariah Islam yang didominasi oleh kaum lelaki berhadapan dengan adat setempat yang menghormati kaum wanita. Keadaan ini membentuk anjakan pada pembinaan gender (*shifting construction of gender*) di dalam masyarakat dan melahirkan sistem bilateral.

Selain itu, masyarakat Melayu bersikap alamiah atau mesra alam. Hubungan positif ini memberi pengalaman hidup yang berbeza dan tingkah laku sosial yang berlainan. Sikap ini menghasilkan beberapa karakter khusus, iaitu berbudi, lemah lembut dan mementingkan hidup bermasyarakat. Sebagai contoh, ia mewujudkan amalan gotong royong dalam adat menjamu (majlis kenduri), amalan bantu membantu (*esprit de corp*) dalam adat menggélang. Begitu juga dalam beberapa amalan kontroversi seperti bacaan tahlil, bacaan Yasin dan solat hajat. Orang Melayu melakukan upacara ritual tersebut secara beramai-ramai. Masyarakat Melayu juga mengadaptasi setiap perubahan dari satu period keagamaan kepada satu period yang lain dengan berhati-hati. Contohnya, kepercayaan adanya kuasa ghaib era animisme diubahsuai dengan kepercayaan hantu, makhluk halus dalam kepercayaan Hindu-Buddha dan diteruskan oleh Islam dengan alam metafizik.

Justeru, kepelbagaian ini merupakan ciri khusus perwatakan etnik Melayu sebagai pentakrif bangsa Malaysia dan ia perlu diteliti dengan lebih mendalam ketika proses penetapan hukum.

iii. Islam agama yang mesra budaya.

Sikap ini selari dengan pendekatan selektif dalam menapis budaya asing, toleransi dalam menerima budaya tempatan dan memperkenalkan cara hidup baru dalam memenuhi tuntutan masyarakat setempat. Pendekatan ini menghasilkan hubungan timbal-balik di antara hukum Islam dengan budaya sama ada melalui proses pembudayaan hukum ataupun pengambilkiraan budaya sebagai asas hukum.

iv. Budaya bersifat relatif dan dinamis.

Sesuai dengan karakter budaya yang dinamis lagi relatif, setiap hukum yang akan ditetapkan dan dilaksanakan dalam masyarakat Malaysia perlu diteliti dengan sewajarnya. Berasaskan prinsip kerelatifan budaya, setiap budaya masyarakat berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini mencetuskan justifikasi hukum yang bervariasi. Mungkin suatu hukum relevan dengan masyarakat tertentu tetapi tidak kepada masyarakat lain. Begitu juga dengan kedinamisan budaya kesan perkembangan cara hidup masyarakat. Perkembangan masyarakat dari masyarakat berorientasi pertanian kepada masyarakat perindustrian dan ke arah masyarakat yang berorientasikan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) perlu diberi perhatian yang serius kerana muncul dan timbul pelbagai ciptaan, rekaan, isu dan masalah baru yang memerlukan penyelesaian segera. Justeru, perbezaan budaya berkait-rapat dengan situasi geografi atau lokaliti, sedangkan perubahan budaya berkait-rapat dengan masa.

4.3 RUMUSAN

Konseptual budaya kompleks. Setiap konsep yang dikemukakan adalah berasaskan teori dan latar belakang para pengkaji. Terdapat perbezaan mendasar di antara konseptual aliran Barat dengan Islam. Konseptual Barat bersifat bebas nilai dan dipengaruhi paradigma sekularisme sedangkan pandangan Islam berlandaskan paradigma tauhid.

Usaha yang dilakukan oleh antropologis budaya untuk melintasi dualisme yang ada dalam paradigma epistemologi Barat yang berpaksi ajaran Kristian tidak dapat mencipta konseptual yang holistik, malahan menimbulkan persefahaman yang tidak jitu pada paradigma epistemologi Barat. Ini menimbulkan pandangan yang mempunyai pelbagai aliran teori. Berbeza dengan sarjana Islam yang mempunyai pandangan yang bersepadu. Kesan utama perbezaan di antara pandangan aliran Barat dan Islam telah melahirkan perbezaan dalam konotasi keagamaan. Justeru, dalam aliran Barat agama merupakan hasil budaya, sedangkan dalam aliran Islam, agama adalah wahyu Allah s.w.t. dan berperanan dalam mencorakkan budaya. Pendek kata, perbezaan ini menghasilkan agama budaya dan agama Samāwī.

Dalam pengajian hukum Islam, budaya merupakan *'urf* dan adat sama ada pada paras metodologi atau sumber hukum. Hubungan erat ini dapat dirujuk dalam unsur-unsur persamaan di antara kedua-dua istilah tersebut sama ada dari aspek kedinamisan atau kerelatifan dan sebagainya. Berbeza dengan pandangan antropologis yang menganggap istilah adat mengalami pengecutan makna kesan perkembangan bahasa selepas Perang Dunia ke-II. Justeru adat lebih khusus penggunaannya.

Masyarakat adalah medan implementasi hukum. Sejajar dengan itu, wujudnya hubungan timbal balik (*reciprocal*) di antara budaya sebagai cara hidup masyarakat dengan hukum. Hubungan ini dapat dilihat dalam aspek pembudayaan hukum atau

penghukuman budaya. Pembudayaan hukum adalah kesan pemahaman teks *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* seiring dengan *wagas iqrā'*. Pemahaman ini membentuk cara hidup yang positif dan apabila dilakukan berulang-kali, ia menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Apabila kebiasaan ini diketahui, diterima dan diamalkan oleh masyarakat, ia menjadi '*urf*' seterusnya diambilkira sebagai metode dan sumber hukum. Sebagai contoh, '*amāl ahl al-Madīnah*'. Manakala penghukuman budaya merujuk kepada cara hidup positif yang diambilkira dalam penetapan hukum sama ada berasal dari cara hidup masyarakat yang asal dan tidak bertentangan dengan syarak. Begitu juga dengan cara hidup yang diberi nafas baru oleh Islam. Dengan kata lain, ia menjadi asas kepada sumber hukum.

Masyarakat Melayu yang menjadi pentakrif kepada pembentukan bangsa Malaysia merupakan sebuah komuniti yang dinamik dan terbuka. Senario ini penting bagi memastikan penakatan (*survival*) budaya masyarakat Melayu agar tidak pupus ketika berhadapan dengan budaya asing. Kedinamisan ini dapat ditelusuri dalam sejarah pertumbuhan masyarakat dari era pertembungan dengan Hindu Buddha yang estetik, Islam yang rasional dan Barat yang sekular. Masyarakat Melayu era Kesultanan Melaka berjaya menjadi sebuah kuasa budaya yang dominan yang mana bahasa Melayu digunakan sebagai lingua-franca dan wujudnya masyarakat Baba Nyonya kesan budaya bangsa yang lemah. Ini kerana budaya yang lemah kerap kali melalui proses asimilasi dengan budaya besar yang dominan.

Golongan cerdik pandai tempatan (*local genius*) memainkan peranan penting dalam perkembangan budaya Melayu di mana masyarakat Melayu awal dapat menerima perubahan-perubahan kesan interaksi dengan tamadun besar (*great civilization*). Perubahan tersebut tidak ditelan mentah-mentah sebaliknya disesuaikan dengan keadaan dan realiti budaya masyarakat tempatan sama ada melalui proses penyaringan, selektif dan sebagainya.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dalam era kejatuhan nilai kecemerlangan intelektual umat Islam dengan gejala *taqlīd* selain seiringan dengan budaya popular mubaligh. Sedangkan tamadun Barat bersinar dengan tamadun berbentuk sekular dan materialistik. Kedua-dua fenomena ini memberi kesan negatif terhadap cara hidup dan pengamalan Islam di dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu terpesona dengan tamadun materialis Barat pada satu pihak, sedangkan satu pihak yang lain terikat dengan kerangka pemikiran tradisional dan *taqlīd*. Di antara kedua-golongan ini, lahir kumpulan reformis yang menerima nilai positif kecemerlangan tamadun Barat tanpa mengenyakan ajaran Islam yang murni.

Walaupun begitu, Islam merupakan jati diri kepada bangsa Melayu. Budaya Melayu sebatu dengan ajaran Islam dan sukar untuk membezakan di antara epistemologi Melayu asli dengan pengaruh Islam. Penghayatan Islam yang mendalam ini adalah kesan peranan pendakwah Islam yang menerapkan Islam secara bijaksana melalui dua tahap. Tahap pertama dengan memperkenalkan sufisme (*sufism oriented*) sesuai dengan jiwa dan peribadi orang Melayu yang lembut. Dan proses kedua adalah berorientasikan *fiqh* (*legalistic oriented*) setelah masyarakat Melayu memahami Islam dengan sebaiknya untuk tidak menimbulkan keserbasalahan di dalam masyarakat yang masih terpengaruh dengan budaya menyembah berhala. Pendekatan ini menyebabkan syaria Islam berjaya menghapuskan akidah dan pegangan sesat sebelumnya dan akidah Islam diterima dengan sepenuhnya.

Senario ini berbeza dengan kehadiran penjajah Barat yang berbentuk dekonstruktif. Kedatangan penjajah Barat ke timur bukan sekadar kehadiran ke sebuah entiti yang sifar tetapi ke batasan budaya dan tamadun timur yang kaya dengan nilai tersendiri yang tidak mengetepikan peranan keagamaan. Justeru berlaku pertembungan di antara tamadun sekular dengan tamadun keagamaan yang telah lama bertapak.

Hasilnya, tamadun timur secara perlahan-lahan telah dipengaruhi oleh tamadun barat yang maju lagi dinamik. Selain itu, kehadiran penjajah ini juga telah mengubah bentuk demografi masyarakat Tanah Melayu. Dasar “buka pintu” dan polisi “pecah dan perintah” membentuk masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Setiap etnik dipisahkan sama ada melalui pengkhususan pekerjaan, pengasingan tempat tinggal, pemisahan proses sosialisasi dan mobiliti, dan pemencilan budaya.

Kesannya, sehingga kini, etnik yang pelbagai ini tidak dapat saling-mengenal dan berhubungan secara positif. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilancarkan kerajaan selepas kemerdekaan masih gagal membentuk bangsa Malaysia. Proses pembentukan yang cenderung mengasimilasikan budaya etnik lain ke dalam budaya Melayu mendapat penentangan etnik-etnik lain. Setiap polisi kerajaan dilihat sebagai proses hegemoni Melayu.

Lebih sukar lagi, kedudukan golongan bukan Islam di Malaysia adalah berasaskan kontrak sosial dan jaminan perlembagaan bukan berlandaskan hubungan *Muslim-dhimmi* atau *Muslim-ḥarbi*. Klasifikasi klasik golongan *dhimmi-ḥarbi* tidak relevan dengan realiti semasa. Fenomena ini selaras dengan peruntukan Hak Asasi Manusia dalam piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Begitu juga persamaan hak dan perkongsian kuasa politik selepas berakhirnya penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Sistem politik Malaysia berasaskan demokrasi dan perkongsian kuasa, bukan lagi dominasi paksi kuasa mono-etnik dan kesultanan Melayu Islam.

Untuk memupuk integrasi di antara etnik, pembentukan yang sesuai dengan realiti kemajmukan adalah berasaskan konsensus nilai. Nilai kolektif bangsa Malaysia perlu berasaskan kepada etnik Melayu sebagai warga negara majoriti. Begitu juga dengan nilai-nilai murni Islam dan masyarakat lain yang bersifat universal. Di antara mekanisme yang berkesan dalam pembentukan nilai bersama adalah melalui dialog peradaban dan dialog antara agama.

Mekanisme ini perlu diterokai dan dijana untuk membina jambatan persefahaman dan kerukunan antara etnik yang beragama sama ada menerima unsur persamaan atau menghormati sebarang perbezaan. Dengan mengambilkira kepelbagaian ini, lahirnya hubungan sosial yang harmoni dengan mengambilkira nilai yang baik dan menolak nilai yang kurang baik di antara kaum di Malaysia, seterusnya mencetuskan budaya bangsa Malaysia. Ia dapat dijadikan sebagai asas kepada pembentukan *fiqh* yang bersifat tempatan umumnya ataupun *fiqh* Malaysia khususnya.

Dalam usaha membina *fiqh* tempatan, '*urf* Melayu yang positif perlu diletakkan sebagai asas diikuti '*urf* masyarakat lain yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Justeru kegagalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang bermatlamatkan kelahiran sebuah bangsa Malaysia yang berpadu, bukanlah satu alasan untuk menafikan usaha pembentukan budaya bangsa Malaysia. Satu sistem nilai bersama perlu digunapakai untuk merealisasikan *fiqh* yang berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan.

Sebagai contoh, dalam kepimpinan wanita. Nilai masyarakat Melayu yang menghormati kaum wanita telah diambilkira. Masyarakat Melayu mengamalkan sistem bilateral berbeza dengan masyarakat Arab berlatarkan sistem patriaki yang didominasi kaum lelaki. Walaupun sistem patriaki memberi kesan dalam pentafsiran para *mufassir* dan kefahaman para *faqih* dalam proses menginterpretasikan *al-Qur'an* dan mengimplementasikan *al-Sunnah*, tetapi dengan dinamika adat tempatan kaum wanita Melayu dapat mengimbangi dominasi kaum lelaki. Begitu juga dalam amalan Harta Sepencarian. Peranan dan sumbangan kaum wanita sebagai pasangan rumahtangga diambilkira dalam penetapan hukum. Sedangkan dalam budaya rumah terbuka setiap perayaan besar di Malaysia, nilai universal masyarakat Melayu diterima sebagai nilai bersama. Nilai ziarah-menziarahi dalam perayaan Fitri serta Adha diambilkira serta digabungkan dengan nilai hormat-menghormati dan toleransi kaum lain. Ia merupakan '*urf* positif dan dibolehkan berdasarkan syarat-syarat tertentu.

Sehubungan dengan itu, dalam proses penetapan hukum berasaskan realiti tempatan, dua perkara perlu ditekankan sama ada ia berhubungkait dengan perbezaan budaya atau perubahan budaya. Ini kerana kedua-dua senario tersebut merupakan fenomena yang berbeza di dalam masyarakat. Perbezaan budaya merujuk kepada kerelatifan budaya yang mana kesannya membentuk perbezaan dalam implementasi hukum. Manakala perubahan budaya berkaitan dengan kedinamisan budaya dan ia menyebabkan timbulnya perubahan hukum.

Segala percubaan untuk menisbahkan adat dan cara hidup masyarakat setempat dengan budaya masyarakat Timur Tengah atau Barat perlu dihentikan. Memang diakui, masyarakat Timur Tengah menjadi medan kebangkitan Nabi s.a.w. dan medan implementasi *naṣṣ al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*, tetapi ajaran Baginda s.a.w. tidak bersifat partikularistik bahkan universal lagi fleksibel. Justeru, sifat syariah Islam yang universal serta fleksibel ini merupakan asas dalam berhadapan dengan budaya masyarakat setempat. Sekiranya syariah Islam tidak mampu mengantisipasikan perbezaan dan perubahan budaya di dalam masyarakat, ia akan mengalami *crisis of relevance*.